

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Hal Ehwat Pelajar
Sent: Sunday, February 23, 2020 12:53 PM
To: UUM - All Students; UUM - All Staff
Cc: Huzaidy bin Hussain; Azhar B Anis Mohammad
Subject: MALAM KEDUA - MISC ENTREPREURSHIP CARNIVAL 2020 (MISC ISLAMIC NIGHT)



23 FEBRUARI 2020 | 29 JAMADILAKHIR 1441H

MALAM KEDUA - MISC ENTREPREURSHIP CARNIVAL 2020 (
MISC ISLAMIC NIGHT)

OLEH: SITI HAJAR BINTI MHD AZHAR


MISC ENTREPRENEURSHIP CARNIVAL 2020 (MISC ISLAMIC NIGHT)

Oleh : Siti Hajar Binti Mhd Azhar
 Gambar : Siti Hajar Binti Mhd Azhar



INASIS MISC – Ahli Jawatankuasa Kepimpinan dan Pembangunan Siswa (JKPS) Inasis MISC telah mengadakan MISC Entrepreneurship Carnival 2020 (MEC 2020) pada hari kedua iaitu pada tarikh 20 Februari 2020. Pada hari ini kedua ini MEC 2020 bertemakan "Malam Kesenian Islam MISC". Pelbagai aktiviti berkonsepkan kesenian Islam telah dijalankan.

Program wajib untuk setiap hari seperti Warisan Tok Nenek, Pet Zoo Mania dan House Of The Dead telah berjalan seperti



biasa. Apa yang menariknya, ketiga-tiga program ini telah mendapat sambutan yang sangat memberangsangkan daripada pihak pengunjung. Untuk Program Warisan Tok Nenek, program ini telah pun menarik seramai 186 orang pengunjung untuk datang ke program mereka. Manakala untuk program House of The Dead pula, mereka telah berjaya menarik pengunjung yang datang hampir 150 orang. Petzoo Mania 2.0 pula telah menarik seramai hampir 120 orang pengunjung untuk datang ke aktiviti mereka. Apa yang menariknya di Petzoo Mania 2.0 ini, mereka memberikan hadiah kepada pemenang untuk setiap hari dalam beberapa aktiviti tertentu.

Disebelah malamnya pula, pada jam 8:30 malam sehingga jam 11:30 malam telah diadakan Program Khat Kaligrafi. Program tersebut telah menjemput Muhammad Nurfarhan bin Abd Halim untuk mengajar cara menulis seni Khat yang betul. Program ini telah mendapat sambutan yang sangat baik daripada pihak pengunjung yang datang ke MEC 2020.

Pada jam 9:30 malam sehingga jam 11:30 malam, semperna dengan Malam Kesenian Islam satu ceramah telah diadakan dengan tajuk "Kita Baik, Ramai Sayang". Program tersebut telah menjemput penceramah bebas iaitu saudara Alman Azlan. Terdapat banyak pengisian yang menarik dan baik yang telah dikongsikan olehnya. Ceramah tersebut telah mendapat sambutan yang baik oleh semua pihak. Tidak hairanlah ramai penonton yang tidak putus-putus memberikan soalan kepadanya dan telah dijawab sebaik mungkin olehnya.

Tengku Iqrim bin Tengku Besaruddin Syah, Pengarah MISC ENTREPRENEURSHIP CARNIVAL 2020 berkata, dia sangat berpuas hati dengan kelancaran program pada hari tersebut berbanding hari sebelumnya. Semua ahli jawatankuasa yang terlibat dengan Program MEC 2020 telah memberikan



komitmen yang sangat tinggi dalam menjayakan setiap program yang dianjurkan.

"Harapan saya semoga ahli jawatankuasa akan teruskan semangat yang tinggi dalam menjayakan MEC 2020 ini. Saya harapkan agar semua orang dapat menerima dengan baik semua program yang telah berjalan untuk hari ini" katanya.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.